

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Takaful mikro ialah sebuah produk takaful yang direka bentuk khas bagi menyantuni keperluan perlindungan kewangan kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah yang terpinggir daripada mendapatkan akses takaful (Bank Negara Malaysia [BNM], 2016). Penawaran takaful mikro kepada masyarakat berpendapatan rendah atau B40 (*bottom 40%*) di Malaysia merupakan salah satu manifestasi rangkuman dan pengukuhan jaringan keselamatan kewangan, terutamanya untuk golongan masyarakat yang paling mudah terjejas (BNM, 2011, 2022b). Ia juga merupakan sebuah inisiatif yang penting dalam usaha membasmi kemiskinan (H.-S. B. Abdullah et al., 2021; Brugnoli, 2013; Gor, 2013; Hasim, 2014a).

Seperti takaful, takaful mikro turut mengetengahkan empat prinsip utama dalam perlaksanaannya iaitu: 1) prinsip tolong-menolong (*cooperation*); 2) prinsip pengorbanan (*sacrifice*); 3) prinsip jaminan (*assurance*); dan 4) prinsip keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan (*safety, well-being and protection*) (Safar, 2011). Ia bertepatan dengan galakan agama Islam untuk menerapkan sikap saling bantu-membantu dan mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Asas kepada penawaran takaful mikro dalam Islam ialah firman Allah SWT:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan.” (Al-Quran. Al-Ma’idah 5:2)¹

Sebuah hadis turut menyatakan:

المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَى
دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ

“Seorang Muslim itu adalah sesiapa yang melindungi Muslim yang lain daripada lidah dan tangannya (percakapan dan perbuatan buruknya), dan orang beriman itu adalah sesiapa yang memberikan keamanan (perlindungan) terhadap darah (nyawa) dan harta manusia.” (Hadis. Al-Tirmidzi no. 2627)

Keperluan memiliki skim perlindungan takaful mikro dilihat semakin mendesak ketika penularan wabak seperti pandemik Koronavirus (COVID-19) yang melanda dunia sejak penghujung tahun 2019. Masyarakat berpendapatan rendah kini bukan sahaja menghadapi kekangan dari segi kewangan untuk melangsungkan kehidupan, malah mereka lebih terdedah kepada risiko penyakit akibat daripada tahap kebersihan persekitaran yang rendah (N. I. Abdullah, 2021). Hal ini menjadikan segmen B40 sebagai golongan yang paling terkesan dalam menghadapi musim wabak berbanding golongan berpendapatan sederhana (*middle 40%*, M40) dan tinggi (*top 20%*, T20)².

Produk takaful mikro mula ditawarkan hasil daripada cadangan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 BNM yang menunjukkan komitmen untuk mempermudah industri takaful membangunkan produk perlindungan takaful mikro dengan ciri-ciri yang lebih ringkas, mudah dan bersifat berkesan kos (*cost-effective*) bagi menyesuaikan penawarannya kepada golongan masyarakat yang terpinggir (BNM,

¹ Keseluruhan terjemahan ayat al-Quran dalam penulisan kajian ini adalah berpandukan Pustaka Darul Iman, 2013. *Al-Qur'anul Kareem & Terjemahannya Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman. Terjemahan daripada sumber selainnya akan dinyatakan pada tempat yang berkenaan.

² B40, M40 dan T20 merupakan kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia. Isi rumah B40 adalah isi rumah berpendapatan di bawah RM4,360. Isi rumah M40 adalah isi rumah berpendapatan antara RM4,360 – RM9,619. Kumpulan isi rumah T20 adalah golongan berpendapatan melebihi RM9,619 (Department of Statistics Malaysia [DOSM], 2020).

2011). Cadangan tersebut telah direalisasikan melalui pelbagai inisiatif kerajaan dengan kerjasama syarikat-syarikat takaful yang berdaftar.

Sebagai contoh, Program Baucar Perlindungan Tenang (*Perlindungan Tenang Voucher*, PTV) bernilai RM75 telah diberikan kepada golongan B40 untuk menebus pelan takaful mikro yang ditawarkan dengan nilai sumbangan sebanyak RM50-RM165 setahun melalui lapan syarikat takaful yang terlibat (BNM, 2021). Begitu juga dengan skim perlindungan masyarakat *mySalam*, iaitu program bantuan perlindungan kesihatan takaful percuma yang diberikan kepada 6.8 juta individu rakyat Malaysia yang juga merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam kalangan B40 (*mySalam*, t.th.).

Namun begitu, kadar penembusan takaful mikro di Malaysia dilihat masih lagi berada pada tahap yang rendah (Ishak, 2020; Shamsudheen, 2020). Laporan Landscape of Microinsurance 2021 merekodkan perkembangan pembangunan takaful mikro di Malaysia yang hanya berpusat pada inisiatif-inisiatif kerajaan seperti yang telah dinyatakan (Microinsurance Network, 2021). Mukherjee et al. (2013) pula melaporkan bahawa kadar penembusan insurans mikro di Malaysia (yang kebanyakannya disumbangkan oleh takaful mikro) adalah lebih rendah (3.71%) berbanding Thailand (15%) dan Filipina (20%) (Ishak, 2020).

Gor (2013), Htay et al. (2015), Mokhtar et al. (2012), Puad (2017) dan M. C. M. Salleh dan Padzim (2018) menyatakan bahawa penawaran takaful mikro di Malaysia menghadapi beberapa isu dan cabaran seperti: 1) risiko kepatuhan syariah; 2) kekurangan kepakaran; 3) keterbatasan capaian dan promosi produk; 4) kos transaksi yang tinggi; 5) keuntungan yang rendah; dan 6) kekurangan pendedahan dan data terhadap risiko penawarannya. Berdasarkan cabaran-cabaran tersebut, Abdullah Thaidi et al. (2021) merumuskan bahawa penawaran takaful mikro berhadapan dengan kekurangan dana bagi menampung kos operasi dan promosinya. Justeru, kajian ini ingin

mengusulkan pembangunan sebuah model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh.

Wakaf bertempoh bermaksud pelaksanaan wakaf terhadap sesuatu harta yang dilakukan untuk tempoh waktu tertentu. Harta wakaf akan dipulangkan semula kepada pewakaf selepas tempoh tersebut tamat (Noor, 2017). Wakaf bertempoh mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri yang tidak terdapat pada wakaf kekal seperti pengurusanannya yang lebih fleksibel bagi pembangunan harta wakaf (Abdullah Thaidi et al., 2020; Muhammad Khalil et al., 2021). Ia juga mempunyai prospek yang besar untuk dibangunkan bagi tujuan pembangunan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat B40.

Selain itu, ciri-cirinya yang mengehendak tempoh masa tertentu mampu menarik minat lebih ramai pewakaf dalam kalangan individu, organisasi mahupun syarikat untuk berwakaf (Hazzā', 2006). Hal ini kerana harta yang diwakafkan boleh dipulangkan semula kepada pihak pewakaf atau pewaris, atau dapat ditukarkan terus menjadi wakaf kekal mengikut kehendak pewakaf sendiri setelah tamat tempoh wakaf yang dipersetujui.

Potensi yang terdapat pada takaful mikro dan wakaf bertempoh sebagai instrumen baharu dalam industri kewangan telah mendorong kajian ini untuk meneroka lebih lanjut berkenaan prospek dan cabaran pembiayaan takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh di Malaysia. Kajian ini juga cuba mengusulkan sebuah model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh sebagai panduan kepada pengendali takaful (*takaful operator*, TO) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk melaksanakannya dengan berkesan.

1.2 Permasalahan Kajian

M. H. S. B. Abdullah et al. (2019) menyatakan bahawa perkembangan, penawaran dan permintaan produk takaful mikro di Malaysia masih perlahan. Terdapat beberapa punca yang menyebabkan keterbatasan penawaran takaful mikro, antaranya (Hashim & Badri, 2022; Htay et al., 2015; Ishak, 2020; Kamal et al., 2022; Nur Diyana et al., 2020):

- 1) **Risiko jumlah dana takaful dan tuntutan yang tidak seimbang:** Nilai sumbangan takaful mikro yang rendah memberikan kebimbangan kepada pengendali takaful berkenaan kecukupan dana takaful dalam memenuhi jumlah tuntutan peserta. Pengendali takaful akan berhadapan dengan kerugian jika kos tuntutan peserta adalah melebihi dana sumbangan peserta takaful mikro yang terkumpul.
- 2) **Promosi dan capaian yang terbatas:** Promosi dan pemasaran produk takaful mikro perlu dilakukan secara giat dan berterusan kerana tahap celik kesihatan golongan miskin yang agak rendah. Kekurangan pengetahuan golongan sasaran berkenaan skim perlindungan takaful mikro turut menjadi faktor utama bagi kekurangan permintaan skim perlindungan tersebut pada hari ini. Justeru, pengendali takaful digesa untuk memasarkan takaful mikro kepada golongan sasaran secara meluas dan konsisten. Capaian juga perlu melibatkan skala yang besar kerana kebanyakan golongan ini tinggal di kawasan terpencil dan luar bandar. Keadaan seumpama ini boleh menyebabkan kos capaian dan promosi menjadi mahal.
- 3) **Kemampuan membayar sumbangan takaful mikro:** Jumlah pendapatan populasi miskin yang rendah menjadikan mereka keberatan atau tidak mampu untuk membayar nilai sumbangan takaful mikro. Kerana itu, golongan ini juga

dikatakan mempunyai risiko untuk culas dalam membayar sumbangan takaful mikro secara konsisten dan berdisiplin.

- 4) **Keuntungan yang rendah:** Nilai sumbangan rendah, skala capaian pelanggan yang kecil dan kos operasi yang tinggi menyebabkan margin keuntungan agak rendah dan boleh menyebabkan kerugian kepada pengendali takaful.

Jika diperhatikan, kesemua faktor yang dinyatakan di atas adalah berfokus kepada kekurangan dana bagi melancarkan operasi takaful mikro. Kajian-kajian sedia ada seperti Hashim dan Badri (2022), Htay et al. (2015), Ishak (2020), Kamal et al. (2020, 2022), Zuliani dan Rahman (2018) dan Hasim (2014a, 2014b) juga menegaskan kepentingan suntikan dana tambahan seperti zakat dan wakaf bagi membangun serta memperluas penawaran takaful mikro di Malaysia. Tanpa sumber dana yang stabil, produk takaful mikro tidak mampu memberikan perlindungan yang signifikan dan bermanfaat kepada golongan sasaran (Ishak, 2020).

Tahap penawaran dan permintaan takaful mikro yang rendah bakal menjadikan golongan miskin lebih berisiko untuk kekal dalam keadaan miskin atau lebih buruk apabila golongan tersebut ditimpa kemalangan dalam kehidupan (Sanrego, 2019). Perlindungan kewangan bagi golongan miskin adalah lebih mustahak berbanding selain daripada mereka, lebih-lebih lagi untuk menampung kos hospitalisasi atau kematian yang tinggi (Abdullah, 2021; Htay et al., 2015). Jelas di sini bahawa golongan miskin bukan hanya memerlukan pendapatan yang stabil, namun turut memerlukan perlindungan terhadap risiko-risiko kemalangan yang mungkin menimpa mereka.

Sebagai sebuah dana filantropi, kajian ini melihat bahawa instrumen wakaf tunai bertempoh berpotensi untuk memberikan suntikan dana bagi melancarkan operasi takaful mikro di Malaysia. Wakaf tunai mempunyai tahap kecairan (*liquidity*) yang

tinggi berbanding aset-aset wakaf yang lain. Ia mampu menyelesaikan keperluan kecairan tunai kepada penerima manfaat serta pelbagai inisiatif wakaf yang dijalankan (Ahmad, 2015; Kahf & Mohomed, 2017). Dalam kajian ini, wakaf hendaklah diberikan dalam bentuk tunai bagi memenuhi keperluan operasi takaful mikro.

Gandingan wakaf tunai bersama wakaf bertempoh pula menjadikan instrumen tersebut mampu menarik minat lebih ramai pewakaf dalam kalangan individu dan syarikat korporat. Ini kerana pewakaf mampu menyalurkan kekayaan yang mereka miliki melalui tujuan wakaf tanpa menafikan keperluan mereka terhadap harta tersebut pada masa akan datang (M. H. Mohamad, 2024). Tambahan pula, kaedah wakaf secara bertempoh berpotensi untuk memanfaatkan kekayaan yang dimiliki umat Islam dan bukan Islam dalam tempoh masa yang diperlukan bagi membangunkan projek-projek wakaf (M. H. Mohamad, 2024).

Sebagai contoh, jika pada hari ini seorang individu membuat simpanan wang tunai di dalam akaun bank melalui deposit tetap, maka wang tersebut berkemungkinan untuk kekal di dalam akaun tersebut untuk beberapa tempoh sehinggalah ia digunakan oleh pemiliknya. Sebaliknya, wakaf tunai bertempoh mampu memberikan alternatif yang lebih baik apabila wang simpanannya digunakan sebagai modal pelaburan bagi pembangunan projek wakaf. Apabila tempoh pewakafan tamat, wang tersebut akan dipulangkan kembali kepada pewakaf dan ia jelas memberikan manfaat kepada sebilangan penerima manfaat wakaf tersebut. Wakaf tunai bertempoh dilihat sesuai untuk dijadikan dana modal bagi inisiatif-inisiatif wakaf yang pelbagai, seterusnya menghasilkan sebuah dana wakaf yang mandiri (Md Nor et al., 2020).

Berdasarkan tinjauan awal, wakaf tunai bertempoh berpotensi untuk dijadikan modal pembiayaan dan pelaburan yang lestari bagi menjayakan operasi takaful mikro.

Dengan suntikan dana tambahan daripada instrumen wakaf tunai bertempoh, ia dapat

membantu merangsang penawaran produk takaful mikro dengan lebih meluas kepada masyarakat terpinggir serta asnaf fakir dan miskin di Malaysia.

Di Malaysia, peruntukan perundangan bagi wakaf bertempoh agak terhad dan hanya boleh didapati menerusi undang-undang wakaf negeri Sarawak, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu sahaja (F. Abd. Rahman et al., 2021). Walaupun begitu, tiada sebarang rekod ditemukan bagi pelaksanaannya di negeri-negeri tersebut, apatah lagi di negeri-negeri yang tidak memperuntukkan sebarang undang-undang berkaitan wakaf bertempoh (Ab Rahman, 2018).

Opir et al. (2021) dan F. A. Rahman et al. (2021) berpandangan bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh MAIN untuk melaksanakan wakaf bertempoh ialah berkenaan dengan operasi teknikal yang bermula daripada pendaftaran aset wakaf sehinggalah pemulangan semula aset tersebut kepada pewakaf setelah tempoh wakaf tamat. Namun, pihak MAIN bersedia untuk melaksanakannya jika wujud rangka kerja yang jelas serta pembuktian maslahat yang konkrit (Ab Rahman, 2018).

Takaful mikro dan wakaf tunai bertempoh merupakan bidang baharu yang mempunyai prospek yang agak baik dalam sektor industri komersial. Namun, amat sukar untuk menemukan kajian yang terperinci terhadap hubung jalin antara keduanya (Abdullah Thaidi et al., 2021). Bagi memenuhi keperluan tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti prospek dan cabaran penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh secara terperinci. Kajian ini juga cuba untuk mengusulkan sebuah model takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh berdasarkan kesesuaian hukum syarak dan perundangan semasa di Malaysia.

1.3 Persoalan Kajian

Daripada pernyataan masalah yang dibincangkan, beberapa persoalan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

- 1) Apakah prospek dan cabaran pelaksanaan takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh di Malaysia?
- 2) Bagaimanakah gambaran model takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh di Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang perlu dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti prospek dan cabaran pelaksanaan takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh di Malaysia.
- 2) Membangunkan sebuah model takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh di Malaysia.

1.5 Metodologi

1.5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan elemen terpenting dalam sesebuah penyelidikan bagi menentukan ketepatan hasil kajian. Reka bentuk kajian juga perlulah ditentukan berdasarkan tujuan sesebuah kajian itu dijalankan (Chua, 2006). Kajian ini secara keseluruhannya telah menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui pendekatan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan dijalankan melalui kaedah sesi temu bual separa struktur terhadap informan. Kaedah penyelidikan kualitatif amat sesuai diguna pakai dalam kajian ini untuk mendapatkan data melalui literatur akademik, dokumen-dokumen perundangan serta sesi temu bual yang dijalankan.

1.5.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini memfokuskan kepada perolehan data melalui dua kaedah pengumpulan data iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual seperti berikut:

1.5.2.1 Kaedah Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan yang merangkumi buku, artikel jurnal, seminar dan sumber internet. Data primer akan terus dikumpul sehingga mencapai tahap data tepu (*data saturation*) bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi serta meminimumkan bias (Fusch & Ness, 2015). Selain itu, kaedah analisis dokumen terhadap brosur, laporan tahunan dan dokumen rasmi turut digunakan bagi mendapatkan data yang berkaitan. Hasil daripada data kajian kepustakaan mampu memberikan kefahaman fundamental berkenaan instrumen wakaf tunai bertempoh dan takaful mikro yang merangkumi keperluan operasi, perbincangan hukum syarak, aspek perundangan serta teori dan realiti pelaksanaan semasa. Analisis terhadap data kepustakaan ini juga akan digunakan bagi membangunkan model takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh di Malaysia.

1.5.2.2 Temu Bual

Kaedah temu bual separa struktur akan dijalankan bersama pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang wakaf dan takaful mikro. Temu bual dijangka mampu memberikan maklumat yang menyeluruh, terperinci dan terkini (Sekaran & Bougie, 2016). Oleh itu, kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih responden yang berautoriti dan berinformasi terhadap fenomena yang dikaji (Tongco, 2007). Terdapat lima pihak yang terlibat sebagai informan dalam kajian ini:

Jadual 1.1: Senarai Informan Temu Bual Kajian

Bil.	Posisi Informan	Pihak	Autoriti Informan
1.	Pegawai Eksekutif dan Pegawai Syariah	Syarikat Pengendali Takaful/Bancatakalaf	Eksekutif, Perundangan
2.	Mufti atau Ahli Mesyuarat	Jawatankuasa Fatwa Negeri	Akademia, Perundangan
3.	Pegawai Eksekutif	Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri	Eksekutif, Perundangan
4.	Pengarah, Pegawai Eksekutif dan Pegawai Syariah	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	Eksekutif, Akademia
5.	Timbalan Pegawai Eksekutif dan Pegawai Syariah	Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)	Eksekutif, Akademia

Kaedah temu bual separa struktur diperlukan dalam kajian ini bagi mendapatkan pelbagai data berkenaan instrumen wakaf tunai bertempoh dan takaful mikro merangkumi realiti semasa pelaksanaan, potensi dan cabaran penggunaan instrumen serta cadangan pelaksanaannya. Keseluruhan data yang diperolehi melalui kaedah temu bual ini dapat diproses bagi pembangunan model takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh yang diinginkan.

1.5.3 Analisis Data

Data primer mentah yang diperolehi melalui kajian kepustakaan dan temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik. Dua kaedah ini mampu menjelaskan konsep takaful mikro dan wakaf tunai bertempoh secara terperinci. Ia juga dapat membangunkan tema-tema kajian yang penting seperti potensi dan cabaran pelaksanaan instrumen serta kaedah pelaksanaannya yang terbaik bagi pembangunan model. Proses tersebut akan menggunakan pendekatan deduktif, induktif dan komparatif secara konsisten.

Analisis secara deduktif dilakukan bagi menjelaskan konsep takaful mikro dan wakaf tunai bertempoh di Malaysia seperti aspek reka bentuk dan perundangan serta syarat-syarat utama dalam pelaksanaannya. Pendekatan deduktif juga digunakan bagi

mengekod tema-tema utama yang difokuskan dalam kajian. Analisis induktif pula digunakan bagi proses pembangunan model takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut mengetengahkan analisis secara komparatif terhadap perbahasan hukum syarak atas faktor kepelbagaian pandangan mazhab. Pendekatan *tarjih* dikemukakan bagi memilih pandangan mazhab yang lebih kuat dan bersesuaian dengan keperluan umat Islam dalam konteks semasa.

Data yang terkumpul daripada sesi temu bual akan melalui proses transkripsi secara verbatim dan dianalisis dengan bantuan perisian ATLAS.ti 23 bagi tujuan mengatur, menyusun dan mengekod data secara sistematik.

1.5.4 Persembahan Data

Dapatan daripada peringkat analisis data akan membentuk kerangka fundamental bagi pembangunan model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh. Proses pembangunan model ini perlu mengambil kira empat elemen (Amir-Ud-Din, 2014; Anto, M., 2013; Z. Khan et al., 2007; Wardhany & Arshad, 2012) iaitu:

- 1) **Praktikal:** model takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh mestilah mempunyai tahap kebolehlaksanaan yang tinggi mengikut realiti pelaksanaan yang melibatkan industri takaful, wakaf dan masyarakat B40.
- 2) **Menjurus:** model ini mestilah berfokus, terperinci dan komprehensif dalam masa yang sama meminimumkan elemen teoretikal yang kompleks dan sukar difahami.
- 3) **Kukuh (Reliable):** model ini mestilah kukuh bagi memastikan industri takaful mikro dan institusi wakaf mampu mengaplikasikannya dengan seoptimum mungkin.

- 4) **Kebolehuburan (*Measurability*)**: model takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh mestilah mempunyai tahap kebolehuburan yang baik dari sudut pencapaiannya dalam memberikan perlindungan kesihatan dan kewangan kepada masyarakat berpendapatan rendah.

1.5.5 Memastikan Tahap Keyakinan Data

Berikut merupakan beberapa langkah yang diambil bagi memastikan tahap keyakinan data sepanjang kajian dijalankan:

1.5.5.1 Teknik Triangulasi

Teknik triangulasi dipilih kerana ia dapat meningkatkan tahap keyakinan data, menambah keterperincian maklumat, mengintegrasikan beberapa teori dan konsep dalam sesebuah penyelidikan, meningkatkan tahap komprehensif dan meminimumkan bias (Johnson et al., 2016). Teknik triangulasi diguna pakai dalam kajian ini dengan mempelbagaikan informan daripada latar belakang yang berbeza agar data yang komprehensif melalui segenap perspektif dapat diperolehi (Merriam, 2009).

1.5.5.2 Penerangan Hasil Kajian yang Terperinci

Menyedari bahawa rangka kerja integrasi takaful mikro dan wakaf tunai bertempoh yang akan dihasilkan melalui kajian ini adalah bertujuan untuk memberikan panduan kepada MAIN dan syarikat takaful yang pelbagai, hasil kajian tersebut mestilah diolah dengan terperinci (Merriam, 2009). Pendekatan ini diambil bagi memastikan rangka kerja yang dibangunkan dapat diaplikasikan menurut konteks semasa setiap institusi yang terlibat dalam pelaksanaannya kelak.

1.6 Sorotan Literatur

Sorotan literatur kajian ini dapat dikategorikan kepada beberapa subtema berikut:

1.6.1 Takaful Mikro dan Pemeraksanaan Masyarakat Berpendapatan Rendah

Menurut United Nations Development Programme (UNDP), pembasmian kemiskinan yang holistik mestilah mengambil kira aspek perlindungan kesihatan (United Nations Development Programme et al., 2019). Ini kerana kualiti kesihatan yang baik merupakan faktor utama bagi membolehkan populasi miskin mencari pendapatan. Justeru, takaful mikro memiliki hubungan yang amat rapat dengan inisiatif pemeraksanaan populasi miskin. Ia dapat dibuktikan melalui manfaat takaful mikro yang berupaya memberikan perlindungan kewangan dan kesihatan mampu milik bagi kumpulan masyarakat berpendapatan rendah (BNM, 2016).

Tambahan pula, penularan wabak COVID-19 yang berlanjutan sehingga ke hari ini telah menunjukkan lagi kepentingan perlindungan kewangan dan kesihatan, terutamanya bagi populasi miskin. M. H. S. B. Abdullah et al. (2019), N. I. Abdullah (2021), Thaidi et al. (2021) dan Zal (2020) menyatakan bahawa golongan masyarakat berpendapatan rendah disifatkan sebagai golongan yang paling mudah terjejas ketika COVID-19 disebabkan oleh beberapa faktor antaranya:

- 1) Kadar pendapatan yang rendah dan tidak tetap.
- 2) Tinggal di kawasan pedalaman dan hanya mempunyai akses yang terhad kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti.
- 3) Tidak mempunyai sebarang tabungan kecemasan.
- 4) Mudah terdedah kepada wabak kerana keadaan tempat tinggal yang padat dan sempit serta tahap kebersihan yang rendah.

Melihatkan kepada faktor-faktor tersebut, penawaran takaful mikro merupakan antara strategi yang berkesan bagi mengurangkan impak negatif COVID-19 kepada masyarakat di samping pelbagai pendekatan lain yang telah diusahakan (Abdul Razak et al., 2021; N. I. Abdullah, 2021; Mohd Fikri et al., 2022; Shamsudheen, 2020).

Patel (2004) merupakan antara kajian terawal membincangkan konsep takaful mikro secara spesifik. Kajian tersebut mengetengahkan idea takaful mikro yang bertitik tolak daripada fenomena jurang kemiskinan yang wujud antara negara-negara Islam. Ia menggesa agar takaful mikro dilaksanakan berlandaskan konsep *ta'āwunīy*³ (saling membantu). Dengan perkataan lain, negara Islam yang kaya digesa menyalurkan dana kepada penduduk negara miskin bagi tujuan memberi perlindungan kesihatan. Kajian ini mengenal pasti bahawa antara cabaran utama praktis takaful mikro ialah kurangnya pembudayaan takaful di negara-negara Muslim berbanding negara maju yang lain.

Trend kajian mutakhir ini cuba mengkaji kaedah penambahbaikan usaha pemerkasaan masyarakat miskin melalui penawaran takaful mikro. Ia dapat dilihat dalam kajian Faisal et al. (2016), Firdaus (2019), Islam dan Sultana (2018), Rom et al. (2020), Rom dan Rahman (2012) dan Zuliani dan Rahman (2018). Inisiatif pemerkasaan golongan miskin yang kemas perlu bertitik-tolak daripada dua aspek iaitu produk yang mudah akses dan syarikat takaful mikro yang menghayati nilai Islam. Justeru, Firdaus (2019) mencadangkan konsep secukupnya, mudah, ekonomik dan segera, di mana produk takaful mikro mestilah melindungi keperluan asas, mudah diakses tanpa prosedur rumit, mampu milik dan pantas dalam menguruskan tuntutan.

Zuliani dan Rahman (2018) menambah bahawa tanpa pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan takaful mikro dalam kalangan penduduk miskin, produk yang baik

³ Keseluruhan transliterasi perkataan Bahasa Arab dalam kajian ini adalah berpandukan gaya transliterasi Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992. *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

tetap kurang mendapat sambutan. Aspek kepatuhan syariah juga penting untuk meraih kepercayaan populasi miskin yang sebahagiannya masih skeptikal terhadap produk kewangan Islam (Karim et al., 2008). Justeru, institusi takaful mikro perlu mempunyai sistem kawal selia kepatuhan syariah yang kemas bagi menarik lebih ramai sasaran populasi untuk menyertainya (Faisal et al., 2016; Islam & Sultana, 2018). Menyedari realiti bahawa institusi takaful mikro yang sering terbatas dari sudut kewangan, Rom dan Rahman (2012) mencadangkan agar kerajaan memberikan sokongan khususnya dari sudut penjanaaan dana dan dasar-dasar baharu.

Literatur sedia ada yang berkaitan takaful mikro telah memberikan idea dan sumbang saran yang baik ke arah pemerksaan golongan miskin, tetapi ia masih bersifat konseptual. Ia juga tidak membincangkan bagaimana takaful mikro boleh mendapat suntikan dana daripada sumber filantropi yang lebih lestari. Jurang ini akan cuba diselesaikan melalui pembangunan model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh dalam kajian ini.

1.6.2 Cabaran Penawaran Takaful Mikro di Malaysia

Fikri et al. (2022) menyatakan bahawa takaful mikro pertama kali diperkenalkan di Malaysia pada bulan April 2007 oleh Takaful Ikhlas melalui sebuah inisiatif kerajaan dan Persatuan Penternak Malaysia. Pada Mac 2009 pula, sebuah agensi kerajaan iaitu Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Takaful Etiqa telah menawarkan skim takaful mikro yang berlandaskan akad *tabarru'* (sumbangan) kepada seluruh ahli koperasi. Perlindungan yang ditawarkan melalui skim tersebut mencakupi pampasan kematian dan kecacatan kekal.

Bagi meningkatkan permintaan dan penawaran skim takaful mikro daripada golongan B40, reka bentuk skim perlindungan tersebut perlulah menggambarkan empat

prinsip utama seperti yang digesa oleh Bank Negara Malaysia iaitu: 1) ringkas; 2) berorientasikan perlindungan keperluan golongan sasaran; 3) mudah diakses; dan 4) cekap (BNM, 2016). Walaupun kajian Fikri et al. (2022) mendapati bahawa takaful mikro yang ditawarkan pada hari ini, khususnya melalui skim PTV telah menepati prinsip tersebut, permintaan masyarakat miskin terhadapnya masih lagi berada pada tahap yang rendah (Ishak, 2020). Hal ini disebabkan oleh faktor yang pelbagai seperti berikut (Ishak, 2020; Mohd Fikri et al., 2022):

- 1) **Ketidakmampuan:** Peserta takaful mikro dalam kalangan masyarakat B40 terutamanya di peringkat B1 dan B2 terendah tidak mampu untuk membayar nilai sumbangan yang telah ditetapkan walaupun pada kadar yang minimum berikutan pendapatan mereka yang kecil dan tidak menentu. Ketidakmampuan juga boleh dilihat melalui perspektif celik kewangan yang banyak dipengaruhi oleh tanggapan awal masyarakat B40 terhadap produk takaful. Tahap celik takaful mikro yang rendah dalam kalangan masyarakat boleh menyebabkan mereka merasakan tidak mampu untuk menyertainya kerana menganggap nilai sumbangan yang perlu dibayar adalah sama seperti produk takaful.
- 2) **Kurang kesedaran dan persepsi negatif:** Kesedaran berkenaan takaful dan takaful mikro masih rendah dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan mereka masih tidak menyedari kewujudan pelan perlindungan kewangan dan kesihatan yang ditawarkan melalui skim takaful mikro walaupun mereka merupakan penerima program BSH yang layak untuk mendapatkan perlindungan takaful mikro secara percuma sekalipun. Selain itu, sikap sebahagian golongan ini yang tidak mengendahkan risiko kesihatan dan kemalangan yang mampu

mendatangi mereka pada bila-bila masa juga menyebabkan mereka berkira-kira untuk menyertai skim perlindungan takaful mikro walaupun ia ditawarkan pada nilai sumbangan yang rendah. Persepsi negatif golongan ini terhadap takaful mikro juga turut memberikan impak negatif kepada permintaan takaful mikro apabila mereka beranggapan bahawa proses tuntutan adalah renyah dan merumitkan. Mereka beranggapan bahawa nilai sumbangan yang dibayar setiap bulan bagi pelan takaful mikro tidak akan memberikan pulangan yang berbaloi kepada mereka ketika mereka memerlukannya.

- 3) **Reka bentuk produk yang tidak memenuhi keperluan peserta:** Kajian H.-S. B. Abdullah et al. (2021) dan Mohd Fikri et al. (2022) menemukan bahawa faktor tahap kemampuan kewangan B40 adalah tidak signifikan dalam menentukan sama ada golongan tersebut berkemungkinan untuk mempunyai perlindungan takaful mikro ataupun tidak. Sebaliknya, golongan tersebut cenderung untuk mengambil sesebuah pelan takaful jika perlindungan yang ditawarkan memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Oleh itu, reka bentuk takaful mikro perlulah benar-benar memenuhi keperluan serta kehendak utama masyarakat B40.

Kekurangan permintaan merupakan cabaran terbesar bagi penawaran sesebuah produk kewangan yang berteraskan perniagaan seperti takaful mikro. Jaminan keuntungan bagi industri ini amat penting untuk memastikan kelangsungan dan kelestarian perkhidmatannya dalam memberikan perlindungan kewangan kepada golongan B40. Selain itu, industri takaful turut berhadapan dengan beberapa cabaran dalam membangunkan skim takaful mikro seperti yang dinyatakan dalam kajian Gor

(2013), Htay et al. (2015), Mokhtar et al. (2012), Puad (2017), M. C. M. Salleh dan Padzim (2018) dan Thaidi et al. (2021) sebelum ini.

Melihatkan kepada cabaran-cabaran di atas, kajian ini cuba untuk menganalisis lebih lanjut berkenaan cabaran semasa bagi penawaran produk takaful mikro sedia ada. Perolehan data dan analisis terhadap cabaran penawaran takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh juga akan dilakukan dengan terperinci bagi tujuan pembangunan model yang berkesan dalam menyelesaikan cabaran-cabaran tersebut.

1.6.3 Konsep Pelaksanaan Wakaf Bertempoh

Wakaf bertempoh semakin mendapat perhatian para pengkaji berikutan prospek dan potensi yang ada padanya. Literatur seperti Ab Rahman dan Amanullah (2017b); Al-Nujaymīy (t.th.), Al-Qaradāwīy (2010), Al-Rifā'īy (t.th.), Kahf (1999, 2003, 2016, 1998), Mohammad dan Iman (2006), Qahf (2000) dan Zahrat (1971) telah menganalisis pandangan fiqh berkenaan hukum pelaksanaan wakaf secara bertempoh. Mereka cenderung untuk memilih pandangan mazhab Mālikīy dan sebahagian ulama mazhab Ḥanafīy (khususnya Abū Yūsuf) yang mengharuskan wakaf bertempoh, bahkan perlaksanaannya perlu digalakkan dan diperluaskan (Kahf, 1998). Pemilihan ini dilakukan atas asas ia tidak menyalahi tujuan berwakaf dan lebih menepati maslahat manusia dan realiti masa kini.

Konsep bertempoh boleh membawa beberapa pentafsiran antaranya, harta wakaf boleh dipulangkan kepada pewakaf atau warisnya selepas tamat tempoh matang, atau harta wakaf boleh bertukar kepada jenis yang lain seperti wakaf khas ditukar kepada am. Ciri-ciri ini menjadikan wakaf bertempoh dilihat lebih fleksibel dan mudah untuk dibangunkan, sekali gus meminimumkan masalah harta wakaf yang tidak terurus

(Abdullah Thaidi et al., 2021). Wakaf bertempoh juga dipercayai mampu menarik lebih ramai pewakaf untuk mewakafkan harta mereka.

Semakin banyak harta yang diwakafkan dan semakin mudah ia untuk dibangunkan, bermakna semakin banyaklah manfaat dan maslahat yang dapat dinikmati. Dari sudut had masa, walaupun kebanyakan pandangan dan peruntukan perundangan seperti di Johor, Kuwait dan Lubnan menetapkan had wakaf bertempoh tidak melebihi 60 tahun atau dua generasi, Al-Nujaymīy (t.th.) menegaskan bahawa penetapan tempoh adalah bersifat anjal mengikut keperluan semasa.

Justeru, menyedari realiti populasi Muslim hari ini yang amat berhajatkan kepada pembangunan sosial dan ekonomi, pandangan yang membataskan wakaf hanya dalam bentuk yang kekal perlu disemak semula agar ia seiring dengan maslahat dan keperluan semasa yang semakin kompleks. Sungguhpun wujud perbahasan hukum dan konsep wakaf bertempoh, namun masih tiada cadangan yang holistik dan terperinci bagi pelaksanaan wakaf bertempoh yang bertepatan dengan situasi di Malaysia. Kelompangan tersebut akan cuba dipenuhi dalam kajian ini.

1.6.4 Prospek dan Cabaran Pelaksanaan Wakaf Bertempoh

Al-Barhawīy (2018) menyatakan bahawa pelaksanaan wakaf bertempoh boleh ditelusuri sekitar tahun 699 Hijrah ketika pemerintah menggunakan harta wakaf untuk tempoh tertentu bagi keperluan mempertahankan wilayah Islam daripada ancaman musuh, khususnya dalam aspek sokongan ketenteraan dan keperluan persenjataan. Dalam konteks pelaksanaan moden, Kuwait antara negara yang terkedepan dalam pelaksanaan wakaf bertempoh.

Melalui Undang-Undang wakaf Kuwait 1951, instrumen wakaf bertempoh dikanunkan secara jelas dan sistematik yang meliputi tafsiran wakaf bertempoh,

prosedur *sighah* wakaf bertempoh, kategori wakaf bertempoh, harta yang dibenarkan untuk ditempokkan, had tempoh yang dibenarkan, prosedur pemberhentian wakaf bertempoh dan prosedur pindah milik harta wakaf bertempoh. Negara-negara lain yang turut mengkanunkan wakaf bertempoh termasuklah Undang-Undang Kebajikan dan Wakaf Sudan 1970, Undang-Undang Wakaf Lubnan 1947, Undang-Undang Wakaf Mesir 1945, Undang-Undang Libya 1971 dan di Malaysia melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (Johor, Terengganu, Wilayah Persekutuan dan Sarawak) (Ab Rahman, 2018; F. Abd. Rahman et al., 2021).

Dari sudut prospek, dapat disimpulkan di sini bahawa wakaf bertempoh mempunyai kelebihan dari segi daya tarikan dan keanjalan. Al-Nujaymīy (t.th.) menyatakan bahawa pada zaman kegemilangan Islam, komuniti Muslim mempunyai harta dan aset yang banyak lalu tidak menjadi halangan untuk berwakaf secara kekal. Konteks umat Islam moden pada hari ini agak berbeza apabila pemilikan aset mereka agak terhad. Justeru, jika wakaf harta dihadkan untuk tempoh tertentu dan kemudiannya dikembalikan semula kepada pewakaf, ia sudah tentu meningkatkan daya tarikan untuk berwakaf (Al-Qaradāwīy, 2010; Hazzā, 2006).

Dari sudut keanjalan, ia boleh dilihat melalui apa yang dilaksanakan oleh Yayasan Wakaf Kuwait yang membenarkan pewakaf membatalkan harta wakaf secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau menukar statusnya kepada wakaf *ahlīy* (ahli keluarga) atau *khayrīy* (kebajikan). Ciri-ciri fleksibel ini juga mampu menimbulkan idea pembangunan wakaf yang dapat memberi manfaat kepada sosioekonomi masyarakat. Al-Zarqā (2006), Alani (2019), Gustani dan Ernawan (2016) dan Kahf (2003, 1998) mempromosikan instrumen wakaf tunai bertempoh untuk tujuan pinjaman mikro tanpa faedah (*qard*) kepada peniaga miskin.

Selain itu, sifat bertempoh ini juga boleh mencetuskan beberapa idea wakaf kontemporari. Misalnya, idea wakaf perkhidmatan yang membolehkan golongan profesional, khususnya doktor dan pensyarah untuk mewakafkan kepakarannya bagi tempoh tertentu (A. S. C. Abdullah, 2019). Al-Asyqar (2018) dan Al-Sadhan (2008) turut mencetuskan idea wakaf masa (*waqf al-waqt*) yang menggalakkan golongan muda untuk mewakafkan waktu mereka bagi melakukan aktiviti-aktiviti kebajikan yang memberikan manfaat kepada masyarakat walaupun tidak memiliki aset.

Sungguhpun terdapat banyak prospek, beberapa cabaran pelaksanaan wakaf bertempoh perlu diberikan perhatian. Mohammad dan Mar Iman (2006) dan Ab Rahman dan Amanullah (2017) merumuskan beberapa cabaran pelaksanaan dalam konteks Malaysia. Dari sudut perundangan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri lazimnya berpegang dengan pandangan muktamad mazhab Syāfi'īy dalam mengistinbatkan hukum⁴. Masalah timbul kerana mazhab Syāfi'īy mensyaratkan sifat kekal (*ta'bid*) dalam amalan berwakaf. Isu turut timbul apabila wakaf diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri yang menyebabkan wujudnya pelbagai perundangan yang berbeza dan tidak selaras terhadap undang-undang wakaf.

⁴ Istilah “pandangan muktamad” dalam mazhab Syāfi'īy bermaksud sebuah pandangan (hukum fiqh) terpilih daripada keseluruhan pandangan fiqh Imam Syāfi'īy yang menggambarkan ijihad beliau, ataupun sebuah hukum fiqh yang terbit daripada penggunaan kaedah dan usul (kaedah usul fiqh mazhab Syāfi'īy) secara sah dan mampu dinisbahkan kepada mazhab Syāfi'īy – yang menjadikan pandangan tersebut diikuti oleh para *muqallid* (orang yang mengikuti mazhab tertentu tanpa memahami dalil-dalilnya) mazhab tersebut (Al-Kāf, t.th.). Ungkapan masyhur yang turut menjelaskan takrif “pandangan muktamad” dalam mazhab Syāfi'īy dipetik daripada Al-Haytamīy (1983) iaitu: “apa (hukum fiqh) yang dipersetujui oleh dua masyaikh (ulama mazhab Syāfi'īy) iaitu al-Nawawīy (Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yahyā ibn Syaraf al-Nawawīy) dan al-Rāfi'īy (Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm ibn Muḥammad ibn 'Abd al-Karīm al-Rāfi'īy) selagi mana hukum tersebut tidak dikritik oleh ulama mazhab Syāfi'īy yang terkemudian (atas sebab ijihad al-Nawawīy dan al-Rāfi'īy yang dilihat lemah). Jika terdapat percanggahan antara keduanya, maka pandangan al-Nawawīy adalah muktamad, dan jika terdapat *tarjih* bagi sesuatu hukum bagi al-Rāfi'īy yang tidak terdapat pada al-Nawawīy, maka pandangan tersebut adalah muktamad.” Walaupun begitu, kesimpulan kajian Al-Kāf (t.th.) memilih ungkapan: “keseluruhan fatwa ulama mazhab Syāfi'īy yang terkemudian tanpa tertib antara mereka, dan setiap mufti (yang memilih pandangan mazhab Syāfi'īy) berhak untuk mengambil salah satu daripada pandangan ulama-ulama tersebut” sebagai takrif istilah “pandangan muktamad” dalam mazhab Syāfi'īy.

Selain itu, pelaksanaan wakaf bertempoh boleh menyebabkan lembaga wakaf negeri enggan mengurus dan membangunkan aset wakaf. Ini kerana, jika aset tersebut dibangunkan hingga nilai semasanya meningkat, ia perlu dipulangkan kepada pewakaf setelah tamat tempoh wakaf. Trend kebanyakan masyarakat Malaysia yang gemar memilih wakaf khas dan *dhurrīy* (keturunan) juga boleh menimbulkan kesulitan bagi pihak pusat wakaf negeri (Abdullah Thaidi et al., 2019). Ini kerana harta jenis ini sukar untuk dibangunkan dan dipesatkan kerana keterikatannya kepada tujuan wakaf tertentu.

Jika wakaf bertempoh dilaksanakan, maka kemungkinan untuk bertambahnya aset wakaf khas bertempoh adalah tinggi. Keadaan ini boleh menyebabkan bertambahnya jumlah aset wakaf yang tidak terurus dengan baik. Melalui sorotan literatur, jelas bahawa pelaksanaan wakaf bertempoh masih terbatas. Kebanyakan cadangan dan sumbang saran diusulkan tanpa sebuah model yang komprehensif.

Melalui tinjauan dan pengamatan pengkaji terhadap karya dan literatur sedia ada, perbincangan tentang fundamental dan pelaksanaan kombinasi takaful mikro dan wakaf bertempoh tidak dibincangkan secara terperinci, sistematik dan komprehensif. Justeru, dengan mengambil kira potensi, prospek dan jurang akademik yang ada, kajian ini akan meneliti cabaran-cabaran penawaran takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh serta mengetengahkan penyelesaian melalui pembangunan sebuah model perlaksanaannya yang bertepatan dengan situasi di Malaysia.

1.6.5 Model Takaful Berasaskan Wakaf

Satu-satunya model takaful berasaskan wakaf yang kerap dibincangkan dalam kajian-kajian lepas ialah model wakalah-wakaf yang digunakan pada hari ini, khususnya di negara Afrika dan Pakistan (S. Salleh, 2013). International Finance Service Board [IFSB] (2015) turut mendatangkan model wakalah-wakaf sebagai salah

satu model pelaksanaan bagi penawaran produk takaful mikro. Menurut S. Salleh (2013), ciri-ciri utama model ini dalam produk takaful adalah ia mempunyai sebuah tabung wakaf yang diiktiraf sebagai sebuah entiti sah menurut undang-undang (*legal entity*) dan tidak dimiliki oleh syarikat takaful mahupun para pesertanya.

Tabung wakaf tersebut dibangunkan melalui dana sumbangan pemegang saham sesebuah syarikat takaful dan para pesertanya (A. Abdullah & Yaacob, 2012). Dalam model ini, operator takaful mikro akan bertindak sebagai pemegang amanah kepada tabung wakaf yang mengumpulkan kesemua dana wakaf. Ia juga merupakan wakil (berdasarkan akad wakalah) bagi menguruskan aktiviti pengunderaitan (*underwriting*)⁵, mengutip sumbangan serta memproses dan mengagihkan tuntutan takaful peserta (A. Abdullah & Yaacob, 2012; IFSB & International Association of Insurance Supervisors [IAIS], 2015; S. Salleh, 2013). Dengan itu, sejumlah yuran wakalah daripada dana wakaf akan diberikan kepada operator takaful atas perkhidmatannya.

A. Abdullah dan Yaacob (2012), Rosele dan Johari (2016) dan S. Salleh (2013) turut membincangkan berkenaan kesesuaian model wakalah-wakaf dalam penawaran produk takaful di Malaysia. Hasil kajian mereka mendapati bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran bagi pelaksanaan model ini, khususnya berkaitan aspek syariah dan undang-undang seperti yang tertera dalam jadual berikut:

Jadual 1.2: Senarai Isu dan Cabaran Penawaran Produk Takaful Menggunakan Model Wakalah-Wakaf di Malaysia

Isu	Bil.	Perincian
Syariah	1.	Kesahan hak tabung wakaf sebagai entiti sah menurut undang-undang yang mempunyai pemilikan keatas dana wakaf.
	2.	Kesahan tuntutan manfaat takaful kepada peserta yang diambil daripada tabung wakaf.
	3.	Kesahan pelaksanaan wakaf tunai.

⁵ Aktiviti pengunderaitan dalam takaful bermaksud proses pemilihan dan pengelasan risiko yang dilakukan oleh syarikat takaful terhadap permohonan takaful oleh mana-mana individu. Ia juga merupakan salah satu proses bagi menentukan kadar sumbangan takaful yang dikenakan berdasarkan tahap risiko yang disandarkan kepadanya (Mustafa & Rahman, 2015).

	4.	Hak operator takaful untuk mendapatkan keuntungan daripada pengurusan tabung/dana wakaf.
	5.	Pemeliharaan ciri-ciri wakaf iaitu kekal, tidak boleh dibatalkan dan tidak boleh berpindah hak milik terhadap tabung wakaf.
	6.	Kawal selia syariah berkaitan lebihan dana (<i>surplus</i>), cukai dan kos takaful semula (<i>retakaful</i>).
	7.	Status tabung wakaf jika operator takaful (<i>mutawalli</i>) mengalami kerugian/diisytiharkan muflis.
Undang-undang	9.	Konflik bidang kuasa antara pengurusan wakaf dan takaful.
	10.	Posisi operator takaful sebagai <i>mutawalli</i> yang menguruskan dana/tabung wakaf.
	11.	Pengesahan undang-undang terhadap entiti tabung wakaf.

Sumber: (A. Abdullah & Yaacob, 2012; Rosele & Johari, 2016; S. Salleh, 2013)

Kesan daripada isu dan cabaran ini dapat dilihat dengan ketiadaan aplikasi model wakalah-wakaf dalam penawaran produk takaful di Malaysia. Hasil kajian Htay dan Zaharin (2012) turut memperlihatkan bahawa syarikat takaful di Malaysia tidak berminat untuk menawarkan produk takaful mereka menggunakan model ini walaupun kebanyakannya bersetuju dengan pandangan fiqh yang membenarkan perlaksanaannya.

Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa skim Takaful Wakaf yang dilaksanakan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 2002 sehingga 2009 sebagai contoh pelaksanaan takaful berasaskan wakaf di Malaysia (Atan, 2016; Rosele & Johari, 2016; Wan Ab Rahaman & Yaacob, 2014). Walau bagaimanapun, ia tidak akan dibincangkan dalam kajian ini kerana tujuan skim tersebut adalah lebih tertumpu kepada amalan berwakaf berbanding perlindungan takaful kepada masyarakat.

Cadangan model pelaksanaan takaful mikro berasaskan wakaf pula dibincangkan dengan lebih meluas dalam kajian-kajian seperti Atan (2016), Kamal et al. (2020), F. Salleh et al. (2022), M. C. M. Salleh et al. (2020), Shamsudheen (2020) dan Zakaria et al. (2019). Selain itu, terdapat juga kajian serta contoh pelaksanaan pembiayaan menggunakan instrumen wakaf bertempoh seperti yang dikemukakan oleh Nor et al. (2020) dan Yayasan Waqaf Malaysia (t.th.). Ia dilihat sebagai usaha rintis untuk memperkenalkan instrumen wakaf bertempoh dalam industri kewangan Islam hari ini.

Keseluruhan model yang disebutkan di atas telah mencadangkan perolehan dana wakaf melalui sumber yang pelbagai seperti: a) bantuan kerajaan; b) pendanaan awam (*crowdfunding*), termasuklah dana wakaf; c) pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organization*, NGO); d) sumbangan takaful mikro peserta; e) dana tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*, CSR) syarikat; dan f) sumbangan syarikat dan peserta takaful. Dana wakaf yang diperolehi akan dikumpulkan dalam tabung amanah wakaf dan dilaburkan menurut prinsip *muḍārabah* ataupun *wakālah bi al-istithmār* (Zakaria et al., 2019).

Manfaat wakaf yang dinyatakan dalam setiap model adalah berbeza berdasarkan keperluan penerima manfaat pelan takaful mikro dan kebolehlaksanaannya menurut undang-undang di Malaysia. Model yang dicadangkan oleh M. C. M. Salleh et al. (2020) menawarkan manfaat dalam bentuk aset wakaf kekal seperti tanah, rumah, bangunan dan kemudahan awam kepada peserta takaful mikro dalam kalangan mangsa-mangsa banjir. Ia adalah bertepatan dengan amalan wakaf bagi kebanyakan negeri di Malaysia yang berpegang kepada pandangan muktamad mazhab Syāfi'ī yang hanya membenarkan perlaksanaan wakaf secara kekal dan melarang perlaksanaan wakaf secara tunai (Ab Rahman, 2018; Kamal et al., 2020).

Selain itu, terdapat juga model yang mencadangkan agar manfaat yang diterima oleh peserta takaful mikro ditawarkan dalam bentuk hasil keuntungan pelaburan harta wakaf sahaja (Atan, 2016; Kamal et al., 2020). Penilaian terhadap model ini telah mengutarakan persoalan mengenai kecukupan dana hasil pelaburan dan risiko kerugian bagi aktiviti pelaburan yang dijalankan bagi membiayai skim takaful mikro golongan miskin. Kebanyakan model takaful berasaskan wakaf pula menggabungkan dana wakaf tunai, hasil pelaburan wakaf dan lebihan (*surplus*) sebagai manfaat bagi peserta takaful mikro (F. Salleh et al., 2022; Shamsudheen, 2020; Zakaria et al., 2019).

Posisi operator takaful sebagai pengendali takaful mikro turut dibincangkan dengan terperinci dalam model-model takaful berasaskan wakaf yang dicadangkan. Hampir keseluruhannya menyatakan bahawa pengendali takaful berperanan sebagai *mutawalli* yang menguruskan dana wakaf (F. Salleh et al., 2022; M. C. M. Salleh et al., 2020; Zakaria et al., 2019). Menurut undang-undang, kuasa pengurusan dana wakaf perlulah diberikan oleh MAIN kepada pihak pengendali takaful bagi melaksanakan model-model tersebut. pengendali takaful juga boleh diposisikan sebagai wakil sama ada kepada peserta takaful mikro atau MAIN mengikut prinsip wakalah (Atan, 2016). Kedua-dua posisi tersebut menjadikan operator takaful berhak untuk menerima sejumlah yuran wakalah atas perkhidmatannya seperti yang telah dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.

Penerima manfaat bagi model-model cadangan ini juga berbeza dan kebanyakannya mempunyai golongan sasaran yang spesifik. Pendekatan ini telah disahkan sebagai sebuah strategi yang berkesan bagi merancakkan penawaran dan sambutan produk takaful mikro di Malaysia (BNM, 2016; Kamal et al., 2022). Antara penerima manfaat bagi model takaful berasaskan wakaf yang dicadangkan ialah mangsa banjir, petani dan peladang, golongan B40 yang mendapatkan rawatan di hospital atau klinik wakaf dan kumpulan masyarakat berpendapatan rendah yang telah dikenal pasti secara khusus (Atan, 2016; Kamal et al., 2020; F. Salleh et al., 2022; M. C. M. Salleh et al., 2020; Shamsudheen, 2020; Zakaria et al., 2019).

Model takaful mikro berasaskan wakaf yang dicadangkan oleh Zakaria et al. (2019) merupakan model yang paling hampir dengan pelaksanaan model wakalah-wakaf seperti dibincangkan sebelum ini. Ia turut menggambarkan pelaksanaannya secara terperinci mengikut realiti industri takaful semasa dengan cara menjelaskan sumber pendapatan tabung amanah wakaf serta perincian perbelanjaannya.

Sungguhpun begitu, kajian tersebut tidak memberikan penyelesaian terhadap isu dan cabaran sedia ada bagi pelaksanaan model ini menurut syariah dan undang-undang.

Melalui penerangan kajian-kajian lepas yang mencadangkan pembangunan model takaful mikro berasaskan wakaf, pengkaji melihat bahawa terdapat perbezaan terhadap tujuan pewujudan tabung wakaf dalam penawaran takaful mikro berbanding model wakalah-wakaf yang digunakan dalam produk takaful. Tabung wakaf dalam kebanyakan model takaful mikro diwujudkan sebagai salah satu sumber dana bagi membiayai takaful mikro untuk keperluan golongan sasarannya dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah.

Model wakalah-wakaf dalam penawaran takaful pula bertujuan untuk menyelesaikan persoalan berikutan kesamaran pemilikan dana risiko peserta (*participants' risk fund*, PRF) dalam model wakalah, wakalah diubahsuai dan *muḍārabah*-wakalah (S. Salleh, 2013). Atas perbezaan ini, analisis terhadap isu dan cabaran perlaksanaannya perlulah dikaji semula bagi melancarkan penawarannya pada masa hadapan.

Seterusnya, model pembiayaan menggunakan instrumen wakaf bertempoh telah diketengahkan oleh Nor et al. (2020) yang mencadangkan sebuah model wakaf tunai bertempoh bagi pendanaan sektor koperasi yang didasari oleh aktiviti pelaburan. Menerusi model ini, wakaf tunai khas yang disuntik oleh pewakaf akan ditukarkan kepada unit-unit pelaburan dalam aset kewangan koperasi yang khas (bercagar) dan dilaburkan dalam Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (*Islamic Interbank Money Market*, IIMM) yang akan menjana pulangan. Sebahagian pulangan akan dimasukkan ke dalam dana rizab.

Pulangan yang dijana oleh aset kewangan khas ini akan disumbangkan sebagai wakaf kekal kepada Pusat Wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP),

manakala modal pelaburan pokok sebagai wakaf bertempoh akan dipulangkan kepada pewakaf pada tempoh matang yang telah ditetapkan dalam sighth wakaf. Sebarang pengeluaran atau pembatalan modal pelaburan semasa tempoh pelaburan adalah tidak dibenarkan.

Kajian Hashim dan Badri (2022) turut mengemukakan potensi penggunaan instrumen wakaf bertempoh dalam penawaran pelan takaful mikro. Namun kajian ringkas tersebut hanya menyentuh berkenaan aspek syariah wakaf bertempoh menurut pandangan mazhab yang muktabar serta prospek pelaksanaannya secara umum. Jelasnya, terdapat kelompangan kajian dalam cadangan model wakaf tunai bertempoh sebagai dana tambahan bagi penawaran takaful mikro di Malaysia. Pelaksanaan pembiayaan berasaskan wakaf bertempoh di atas boleh diterokai dengan lebih terperinci dalam kajian ini bagi membangunkan model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh yang komprehensif.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dilihat melalui sumbangannya kepada pembangunan penyelidikan akademik, masyarakat, institusi yang terlibat serta negara. Ia dapat dihuraikan seperti berikut:

1.7.1 Kepentingan Kepada Penyelidikan Akademik

Model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh merupakan sebuah model pembiayaan baharu dalam dunia kewangan Islam. Kajian akademik terkini yang membincangkan berkenaan pembiayaan takaful mikro melalui dana filantropi Islam hanya berfokus kepada dana zakat dan wakaf secara umum. Selain itu, pembangunan kajian mengenai instrumen wakaf bertempoh pastinya akan mempengaruhi landskap

penyelidikan dan pengurusan wakaf di Malaysia pada masa akan datang. Oleh itu, penyelidikan yang terperinci dalam bidang ini berupaya untuk memberikan nilai tambah kepada literatur akademik sedia ada.

1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Hasil kajian model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh mempunyai kepentingan yang sangat signifikan kepada masyarakat, khususnya kepada penduduk miskin dan terpinggir daripada mendapatkan skim perlindungan takaful di Malaysia. Hal ini kerana pasaran takaful mikro menumpukan golongan tersebut secara khusus sebagai penerima manfaat. Tujuan tersebut mampu dicapai melalui penghasilan model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf bertempoh yang praktikal dan kemas bagi pelaksanaannya di industri kelak.

1.7.3 Kepentingan Kepada Institusi

Kajian ini mempunyai prospek yang besar untuk dijadikan model dan panduan pelaksanaan bagi industri takaful dan bank-bank Islam dalam menawarkan produk takaful mikro kepada masyarakat B40. Ia merupakan sebuah usaha proaktif bagi membangunkan sektor takaful mikro untuk meningkat naik seiring dengan pasaran takaful arus perdana pada hari ini. Selain itu, kajian ini turut menyambut kesediaan MAIN dan institusi wakaf di pelbagai peringkat untuk melaksanakan instrumen wakaf bertempoh melalui perbincangan hukum syarak dan undang-undang, pernyataan prospek dan cabaran, serta cadangan model yang dikemukakan.

1.7.4 Kepentingan Kepada Negara

Kajian integrasi takaful mikro dan wakaf bertempoh adalah bertepatan dengan gagasan rangkuman kewangan yang merupakan salah satu matlamat kewangan negara. Langkah bagi membumikan agenda tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang meletakkan agenda rangkuman dan literasi kewangan dalam kalangan masyarakat sebagai salah satu daripada lima bidang keutamaan bagi pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2025. Kajian ini turut menyentuh matlamat dasar-dasar negara seperti yang tertera:

Jadual 1.2: Kepentingan Kajian Terhadap Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia

Bil.	Dasar Kerajaan	Matlamat Dasar
1.	Pelan Sektor Kewangan 2022-2026	Peningkatan kadar pengambilan insurans/takaful yang ketara, dengan bilangan individu yang melanggan insurans mikro/takaful mikro bertambah sekali ganda.
2.	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)	Membasmi kemiskinan dan mengurus kumpulan isi rumah B40 termasuk golongan mudah terjejas (rentan ekonomi) dan terpinggir.
3.	Agenda Pembangunan Lestari 2030 (<i>Sustainable Development Goals</i> , SDG 2030)	Matlamat 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia. Matlamat 10: Mengurangkan ketidaksamarataan di dalam negara dan dalam kalangan negara.

Sumber: (BNM, 2022c; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019; Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, 2019)

Melihat daripada perspektif pembangunan institusi agama Islam pula, kajian ini mampu menyumbang sebagai salah satu usaha pengukuhan institusi wakaf negara di peringkat antarabangsa.

1.8 Skop Kajian

1.8.1 Jenis Aset Wakaf Bertempoh

Kajian ini hanya akan membincangkan berkenaan pelaksanaan wakaf bertempoh terhadap aset wakaf tunai sebagai instrumen pembiayaan yang sesuai diadaptasi dalam

model takaful mikro semasa. Walaupun begitu, perbahasan hukum syarak berkenaan wakaf bertempoh secara umum turut disertakan dalam kajian ini bagi menjelaskan pendirian para fuqaha berkenaannya dan kesahan pelaksanaannya di Malaysia.

1.8.2 Pemilihan Informan

Kajian ini membataskan pemilihan informan hanya kepada empat negeri yang membuka ruang bagi pelaksanaan wakaf bertempoh menurut undang-undang iaitu Wilayah Persekutuan, Sarawak, Johor dan Terengganu sahaja. Ini kerana pelaksanaan wakaf bertempoh adalah tertakluk kepada kebenaran yang dinyatakan melalui perundangan negeri-negeri. Oleh itu, informan kajian telah dipilih dalam kalangan wakil MAIN dan Jabatan Mufti Negeri (JMN) bagi negeri-negeri yang dinyatakan. JAWHAR dan YWM turut dipilih sebagai informan kajian kerana peranan mereka sebagai entiti pengurusan wakaf di peringkat kebangsaan serta penyelaras bagi isu wakaf negeri-negeri.

Kajian ini turut menghadkan informan dalam kalangan pengendali takaful kerana ingin memfokuskan kajian terhadap tahap kebolehlaksanaan instrumen wakaf bertempoh sebagai dana tambahan dalam operasi takaful mikro. Dari suatu sudut, takaful mikro telah pun mempunyai kerangka perundangan dan pengoperasian yang jelas, namun menghadapi kekangan dalam kestabilan dana bagi meluaskan penawarannya. Dalam kajian ini, hanya satu wakil institusi perbankan yang menawarkan produk takaful mikro dipilih sebagai informan bagi melengkapkan eksplorasi kajian terhadap realiti penawaran takaful mikro hari ini.

1.9 Kerangka Penulisan Bab

Bab 1: Pendahuluan

Bab 2: Takaful Mikro Menurut Perspektif Syariah

Bab 3: Wakaf Bertempoh Menurut Perspektif Syariah

Bab 4: Pelaksanaan Wakaf Tunai Bertempoh di Malaysia

Bab 5: Pembangunan Model Penawaran Takaful Mikro Berasaskan Wakaf Tunai Bertempoh di Malaysia

Bab 6: Kesimpulan dan Cadangan

1.10 Kesimpulan

Kajian ini menyasarkan pembangunan sebuah model penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh sebagai penyelesaian terhadap masalah kekurangan dana dan jumlah penyertaan golongan sasaran dalam skim ini. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini akan mengemukakan perbincangan yang terperinci dan kritikal berkenaan konsep takaful mikro dan wakaf bertempoh serta pengamalannya dari perspektif syariah dan perundangan. Analisis terhadap prospek dan cabaran penawaran takaful mikro berasaskan wakaf tunai bertempoh juga akan dikaji melalui kaedah temu bual separa struktur dengan sebilangan informan yang mewakili pihak-pihak berkepentingan seperti MAIN dan pengendali takaful. Model yang ingin diutarakan menerusi kajian ini berpotensi untuk menyumbang kepada agenda rangkuman kewangan negara serta usaha pemberdayaan populasi miskin di Malaysia. Enam bab dalam kajian ini diharap mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan penyelidikan, pengukuhan institusi takaful mikro dan wakaf di Malaysia serta meningkatkan taraf kehidupan masyarakat yang terpinggir.